

Strategi Daya Tindak Dalam Menangani Isu Pengangguran Dalam Kalangan Graduan IPTA Yang Terkesan Akibat Pandemik COVID-19

Coping Strategies in Addressing Unemployment Issues Among IPTA Graduates Affected by the COVID-19 Pandemic

Nur Ain Shahida Alias

¹Noremy Md Akhir

Pusat Psikologi dan Kesejahteraan Manusia

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence e-mel: ¹noremy@ukm.edu.my

ABSTRAK

Pandemik COVID-19 yang melanda negara ini telah meningkatkan lagi bilangan penganggur di Malaysia. Lambakan graduan yang cemerlang baik daripada keluaran institut pengajian tinggi mahupun lepasan sekolah telah memenuhi sektor pencarian pekerjaan namun bilangan pekerjaan yang ditawarkan adalah terhad. Tambahan lagi, apabila berlakunya pandemik COVID-19, graduan baharu khususnya sukar mendapatkan peluang pekerjaan kerana bimbang akan penularan wabak ini. Kajian ini telah membincangkan mengenai strategi daya tindak yang digunakan bagi mengatasi isu ini. Kajian ini dijalankan secara atas talian dan memfokuskan kepada graduan IPTA sahaja. Metodologi kajian ini adalah kaedah kualitatif. Bilangan informan yang terlibat adalah seramai tujuh orang dan kesemua informan merupakan graduan IPTA yang berusia sekitar 23 tahun hingga 26 tahun. Kajian ini telah mengenalpasti empat strategi daya tindak yang digunakan oleh graduan iaitu meningkatkan kemahiran dan tambah nilai diri, mencipta peluang pekerjaan baharu, tidak memilih pekerjaan dan mempromosikan diri. Selain itu, hasil kajian ini dapat membantu memperkembangkan lagi sektor pendidikan kerja sosial dengan mewujudkan kefahaman yang lebih luas terhadap isu pengangguran ini. Pengkaji berharap agar kajian ini dapat memberi manfaat kepada pihak berkepentingan agar isu pengangguran dapat dibendung dan secara tidak langsung mengurangkan jurang kemiskinan dalam kalangan masyarakat.

Kata kunci: Pengangguran, graduan, strategi daya tindak, cabaran, pandemik COVID-19

ABSTRACT

The COVID-19 pandemic that hit the country has further increased the number of unemployed in Malaysia. The influx of outstanding graduates from both tertiary institutions and school leavers has filled the job search sector but the number of jobs offered is limited. In addition, the outbreak of the COVID-19 pandemic, new graduates find it difficult to get employment opportunities for fear of the spread of the epidemic.

This study has discussed the coping strategies used to address this issue. This study was conducted online and focused on IPTA graduates only. The methodology of this study is a qualitative method. The number of informants involved is seven people and all informants are IPTA graduates who are around 23 to 26 years old. This study has identified four coping strategies used by graduates, namely improving skills and adding value, creating new job opportunities, not choosing a job and self-promotion. In addition, the results of this study can further help to develop the social work education sector by creating a broader understanding of unemployment. The researcher hopes that this study can benefit the stakeholders so that the issue of unemployment can be curbed and poverty gap in society can be mitigated.

Keywords: Unemployment, graduates, coping strategies, challenges, pandemics COVID-19

1. Pendahuluan

Pengangguran di Malaysia telah mencatatkan peningkatan yang tinggi iaitu sebanyak 57.9 ribu orang daripada 2015 kepada 508.2 ribu orang pada tahun 2019. (Nurfarahin & Muhammad Shafiq, 2020). Pada suku kedua tahun 2020, penawaran kerja di Malaysia berkurangan sebanyak 236 ribu akibat daripada pandemik COVID-19 (Jabatan Statistik Malaysia, 2020). Penawaran pekerjaan yang sedikit di pasaran kerja ini merupakan salah satu punca berlakunya pengangguran di Malaysia. Pengangguran dalam negara membangun seperti Malaysia ini kebiasaannya disebabkan oleh kepadatan penduduk, penawaran kerja kosong yang terhad, kemasukan pekerja asing yang ramai, ketidakpadanan kemahiran, pemilihan pekerjaan, lokasi pekerjaan yang ditawarkan Osman et al. (2015). Apabila berlakunya pandemik COVID-19, ramai belia terutamanya yang terdiri daripada kalangan graduan yang baru sahaja menamatkan pengajian di peringkat universiti terpaksa berdepan dengan peningkatan persaingan untuk menempatkan diri dalam dunia pekerjaan. Menurut M. Choudhry, E. Marelli, M. Signorelli (2012), apabila berlaku sesuatu krisis, kesan krisis tersebut terhadap pengangguran dalam kalangan belia adalah lebih tinggi berbanding kesan pengangguran secara keseluruhan. Pihak kerajaan dan majikan lebih gemar menggunakan khidmat pekerja asing kerana kos mengajikan pekerja asing adalah lebih murah berbanding pekerja tempatan maka ada di antara graduan yang terpaksa bekerja di luar bidang bagi memastikan mereka mempunyai sumber kewangan untuk memenuhi keperluan hidup masing-masing. Menurut Mohamed, Ramendran & Yacob (2012), kekosongan jawatan perlu diberikan kepada lulusan universiti di Malaysia, penganggur tempatan dan orang miskin. Oleh itu, artikel ini akan memfokuskan kepada bentuk cabaran yang dihadapi oleh graduan dan strategi daya tindak yang digunakan oleh graduan IPTA dalam menghadapi isu pengangguran ketika pandemik COVID-19.

2. Sorotan Literatur

Graduan merupakan antara golongan yang paling terkesan akibat wabak COVID-19 ini. Mereka ini merupakan individu yang baharu sahaja menamatkan pengajian dan mengharapkan dengan kelayakan akademik yang mereka miliki akan mempermudahkan urusan mereka dalam mendapatkan pekerjaan. Namun apabila terjadinya wabak COVID-19 ini, mereka berdepan dengan pelbagai masalah dan

cabaran dalam mendapatkan pekerjaan. Banyak sektor-sektor dan industri yang terjejas teruk akibat wabak ini. Kebanyakan majikan telah mengecilkan operasi dan memberhentikan pekerja. 28.2% daripada graduan yang telah mendapatkan tawaran pekerjaan terpaksa ditangguhkan atau dibatalkan. (Laura, 2020).

Penganggur yang mempunyai strategi daya tindak yang tidak matang mempunyai gejala psikiatri yang lebih tinggi berbanding individu yang mempunyai strategi daya tindak yang lebih matang iaitu dengan menyelesaikan masalah.(Li Chen et al. 2012). Manakala, Cano Garcia et al. (2007), menyatakan bahawa strategi daya tindak adalah lebih kepada konsep helah bela diri. Strategi daya tindak diaplikasikan bagi mengatasi tekanan atau stress. Setiap individu mempunyai cara yang berbeza dalam mengatasi stress dan tekanan dengan menggunakan pelbagai strategi daya tindak. Pengangguran merupakan peristiwa tekanan yang boleh mempengaruhi kesejahteraan psikologi dan fizikal individu bergantung kepada strategi daya tindak yang diaplikasikan oleh mereka. (Victor et al. 2011)

Teori Hierarki Keperluan Maslow dipelopori oleh Abraham Maslow pada tahun 1943. Teori ini berkaitan dengan personaliti dan menitikberatkan beberapa andaian motivasi. Konsep teori ini adalah penerangan kepada keperluan manusia. Teori Hierarki Keperluan Maslow ini mempunyai 5 tahap iaitu keperluan fisiologi, keperluan keselamatan, keperluan kasih sayang, keperluan penghargaan kendiri dan yang terakhir adalah keperluan kesempurnaan kendiri. Teori ini juga menjelaskan bahawa individu perlu mengawal setiap tahap yang ada bagi mencapai tahap kesempurnaan kendiri, kegagalan memenuhi atau mencapai salah satu tahap akan membuatkan individu berdepan dengan masalah untuk mencapai keinginannya. (Noremy, 2019)

Dalam kajian ini, graduan berdepan dengan keperluan fisiologi dan juga keperluan penghargaan kendiri. Graduan telah bertungkus lumus menamatkan pengajian dengan harapan boleh mendapatkan pekerjaan setelah tamat pengajian. Namun akibat daripada pandemik COVID-19, graduan telah mengalami kesukaran dalam mendapatkan pekerjaan. Graduan juga akan gagal memenuhi salah satu daripada keperluan fisiologi kerana graduan akan mengalami masalah kewangan. Graduan juga akan mengalami halangan untuk mencapai kesempurnaan kendiri sekiranya mereka tidak mempunyai sebarang pekerjaan atau sumber pendapatan yang stabil.

3. Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang berbentuk kajian fenomenologi. Fenomenologi merupakan satu ilmu yang berfokus untuk mendapatkan penjelasan tentang sesuatu realiti yang ada (Kamarul, 2012). Kajian ini telah dijalankan di beberapa Institusi Pengajian Tinggi Awam di Malaysia. Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia merupakan tempat bagi graduan mendapatkan ilmu pengetahuan sebelum mereka menamatkan pengajian dan seterusnya melangkah ke alam pekerjaan. Pemilihan lokasi kajian ini adalah bagi memudahkan penyelidik mengakses dan menghubungi informan untuk ditemubual.

Persampelan kajian yang akan digunakan adalah teknik persampelan bertujuan. Teknik persampelan bertujuan adalah memfokuskan kepada individu yang menepati syarat khusus yang ditetapkan dan memenuhi persoalan kajian. Bagi pemilihan informan bagi kajian ini, pengkaji telah menetapkan beberapa kriteria secara bertujuan, antaranya adalah seperti berikut :

1. Merupakan graduan IPTA
2. Berusia 18 tahun ke atas
3. Warganegara Malaysia
4. Tidak mempunyai sebarang pekerjaan tetap setelah enam bulan menamatkan pengajian

Kajian kualitatif ini tidak akan menumpukan kepada bilangan saiz sampel tetapi kajian akan lebih mementingkan kepada kekayaan data yang diperolehi. Kajian akan diteruskan sehingga mencapai tahap ketepuan data.

Analisis data bagi kajian ini adalah berbentuk analisis tematik. Analisis tematik bertujuan bagi mendapatkan data yang lebih kaya. Analisis tematik digunakan bagi mengenalpasti pola dan tema yang terdapat dalam transkrip verbatim. Analisis tematik ini bersifat fleksibel dan tidak terikat dengan mana-mana epistemologi mahu pun teori-teori tertentu.

Berdasarkan pandangan Clarke dan Braun (2013), analisis tematik ini boleh dilakukan berdasarkan 6 langkah. Langkah pertama adalah penyelidik perlu membiasakan diri dengan data secara keseluruhan. Penyelidik perlu membaca berulang kali dan mencatatkan nota pandangan awal penyelidikan terhadap data yang diperolehi. Langkah kedua adalah pengkaji perlu menyusun data secara sistematik berdasarkan makna atau maksud data. Penyelidik hanya perlu merekodkan frasa atau ayat yang mempunyai makna yang hampir serupa atau bertepatan dengan isu yang dikaji.

Langkah yang ketiga, penyelidik perlu mencari tema yang muncul dalam transkrip. Pengkaji perlu mengkaji kod-kod dan data yang membentuk satu tema yang sama. Kod-kod akan dipadankan dan membentuk tema yang lebih luas dan spesifik. Langkah keempat adalah penyelidik perlu menyemak semula tema. Pengkaji perlu mengkaji semula, mengubahsuai dan membangunkan tema awal yang telah dikenalpasti dalam langkah tiga. Pengkaji perlu memastikan bahawa tema sepatutnya adalah lebih spesifik dan ia harus berbeza daripada satu tema dengan tema yang lain. Langkah kelima adalah menentukan tema. Pengkaji perlu memberi perhatian kepada keseluruhan tema yang berasal daripada tema-tema lain yang telah dibentuk sebelum ini. Langkah terakhir adalah penulisan. Penyelidik perlu menghasilkan laporan berdasarkan hasil analisis data tematik. Rumusan metodologi yang digunakan bagi penyelidikan ini adalah seperti rajah berikut :

RAJAH 1. : Rumusan Metodologi Kajian

Kaedah Kajian	Kualitatif
Reka bentuk Kajian	Fenomenologi
Persampelan Kajian	Persampelan bertujuan
Bilangan Informan	7 orang
Teknik pengumpulan data	Temubual mendalam
Instrumen Kajian	Panduan soalan (Soalan separa struktur)

Analisis kajian

Analisis tematik

4. Dapatan Dan Perbincangan

4.1 Demografi Informan

Jadual 1.0 menunjukkan demografi bagi tujuh informan yang terlibat dalam kajian ini iaitu melibatkan pemegang ijazah sarjana muda di universiti awam di Malaysia. Informan berusia 22 hingga 26 tahun. Informan terdiri daripada enam orang perempuan dan seorang lelaki. Status informan adalah terdiri daripada bekerja di luar bidang pengajian dan tidak bekerja.

JADUAL 1. Demografi Informan

Informan	Jantina	Umur (Tahun)	Tahap Pendidikan	Status
Informan 1	Perempuan	25	Ijazah Sarjana Muda (UIAM)	Bekerja (luar bidang)
Informan 2	Perempuan	23	Ijazah Sarjana Muda (UniMAP)	Bekerja (luar bidang)
Informan 3	Perempuan	24	Ijazah Sarjana Muda (UMS)	Tak Bekerja
Informan 4	Perempuan	24	Ijazah Sarjana Muda (UKM)	Tak Bekerja
Informan 5	Perempuan	25	Diploma (KPTM)	Bekerja (luar bidang)
Informan 6	Lelaki	26	Ijazah Sarjana Muda (UKM)	Tak Bekerja
Informan 7	Perempuan	23	Ijazah Sarjana Muda (UMS)	Bekerja (luar bidang)

Hasil kajian yang dilakukan mendapat empat strategi daya tindak yang digunakan oleh graduan bagi mengatasi isu pengangguran kesan daripada pandemik COVID-19.

4.2 Kemahiran dan Nilai Tambah

Hasil kajian mendapat keperluan menambah kemahiran dan nilai tambah merupakan suatu inisiatif yang wajar diambil oleh graduan bagi mengatasi isu pengangguran yang berlaku ini. Berikut adalah kenyataan daripada informan :

Informan 2 menyatakan bahawa “...saya membuat keputusan untuk menyertai satu

kursus, di mana kursus ini mengajar untuk menjadi seorang ‘freelancer’ ”. Informan 2 berpendapat bahawa menyertai kursus semasa menunggu panggilan temuduga.

Informan 6 pula menyatakan bahawa “*...memahirkan diri dengan segala peralatan mahupun ilmu berkenaan teknologi ICT yang moden sekarang seperti mana zoom ws video ws call*”. Informan 6 merasakan bahawa graduan perlu melengkapkan diri dengan norma baharu dalam pekerjaan iaitu penggunaan medium yang berbeza kerana kebanyakan pekerjaan akan berlaku secara alam maya.

Manakala Informan 7 pula menyatakan bahawa “*...equipped yourself dengan skill yang boleh menjadikan lain daripada yang lain yang lebih versatil fleksible dan conventional*”. Informan 7 menyarankan bahawa graduan perlu mempersiapkan diri dengan kemahiran dan nilai tambah yang menjadikan mereka lebih unik daripada orang lain bagi mendapatkan pekerjaan.

Menurut kenyataan-kenyataan yang diberikan oleh informan, kemahiran dan nilai tambah amat penting dalam mendapatkan pekerjaan. Jika memiliki kemahiran yang kurang dikuasai oleh orang lain maka peluang mendapatkan pekerjaan itu akan lebih tinggi.

Menurut Martin et al. (2013) penganggur tidak memiliki kemahiran yang diperlukan oleh majikan bagi mengisi kekosongan jawatan yang ditawarkan. Hal ini menunjukkan keperluan memiliki kemahiran dan nilai tambah dalam diri graduan adalah sangat tinggi. Jika mereka memiliki kemahiran seperti kemahiran ICT, penggunaan medium sosial, memiliki jaringan sosial yang baik, berkebolehan berbahasa asing seperti Mandarin dan lain-lain kemahiran pastinya peluang untuk mendapatkan pekerjaan adalah lebih tinggi.

4.3 Cipta Peluang Pekerjaan

Dapatan kajian menunjukkan mencipta peluang baharu merupakan salah satu strategi daya tindak yang boleh digunakan oleh graduan. Informan menyatakan bahawa graduan perlu kreatif dan bijak dalam mengatasi situasi pandemik ini. Berikut adalah kenyataan-kenyataan yang diberikan oleh informan.

Informan 3 menyatakan bahawa “*...diri sendiri kena jadi kreatif.. lau kita tak dapat pekerjaan, why not kita cipta pekerjaan untuk orang lain*”. Informan 3 berpendapat bahawa jika sukar mendapatkan pekerjaan mereka kenapa tidak diri sendiri yang mencipta pekerjaan dan menyediakan peluang pekerjaan kepada orang lain.

Informan 6 menyatakan bahawa “*graduan perlu mengambil inisiatif sendiri dengan menukar diri sekiranya sektor private kurang menawarkan pekerjaan tukar kepada usahawan*”. Informan berpendapat bahawa graduan perlu menjadi bekerja sendiri jika sukar mendapatkan pekerjaan.

Mencipta peluang pekerjaan sendiri adalah sama maksud dengan menceburi bidang perniagaan. Dengan membuka perniagaan secara tidak langsung informan boleh membuka peluang pekerjaan kepada orang lain juga.

Menteri Hal Ehwal Ekonomi Datuk Seri Mohamed Azmin Ali menekankan kepentingan graduan dalam mencipta peluang pekerjaan sendiri dan tidak hanya menunggu peluang pekerjaan. Menurutnya lagi graduan telah dibekalkan dengan kemahiran melalui latihan strategik yang dijalin dengan pihak industri. (Berita Harian 2018). Ahli Perbadanan SME Corporation (SME Corp) Malaysia, Awang Habirburlah Awang Ismail menyatakan bahawa belia digalakkan untuk menyertai bidang keusahawanan dan menjadi pencipta kepada lebih banyak peluang kerjaya bagi lebih ramai rakyat Malaysia. (Utusan Borneo 2019)

4.4 Tidak memilih pekerjaan

Hasil kajian seterusnya adalah graduan tidak boleh terlampau memilih pekerjaan terutama sekali ketika pandemik COVID-19 ini. Berikut adalah kenyataan-kenyataan daripada informan berkaitan tema ini.

Informan 4 menyatakan bahawa “...graduan menganggurni kebanyakannya sebab graduan memilih pekerjaan, bukan la tak boleh memilih tapi cari pengalaman dulu mula dari bawah, kerja apa pun tak pe janji tak menganggur”. Informan 4 memberitahu bahawa graduan tidak digalakkan memilih pekerjaan tetapi sebaliknya mengumpul peluang dengan melakukan apa sahaja pekerjaan.

Informan 7 pula menyatakan bahawa “...sekarang graduan better jangan memilih kerja, experience tu penting, cari pengalaman dulu nanti nak cari kerja yang betul-betul dah ada pengalaman, setengah orang yang tak suka kerja makan gaji buat bisnes”. Informan 7 berpendapat bahawa kumpul pengalaman dahulu sebelum kerja dalam sesuatu bidang.

Sikap memilih pekerjaan adalah perlu tetapi tidak digalakkan kepada mereka yang baru hendak memulakan pencarian pekerjaan. Hal ini kerana mereka perlu tahu skop tugas dan juga cara kerja dengan lebih baik sebelum mereka mengharapkan sesuatu pekerjaan yang setimpal dengan tahap pendidikan yang dimiliki.

Hairi Lan (2020) mengatakan bahawa salah satu faktor yang menyumbang kepada peningkatan kadar pengangguran adalah sikap graduan yang memilih kerja. Ramai graduan lebih rela menganggur daripada bekerja dalam persekitaran yang kotor, bergaji rendah dan tidak mencapai standard pekerjaan yang mereka ingini. Makanya jenis pekerjaan ini akan menjadi tumpuan pekerja asing dan rakyat Malaysia sendiri terpaksa menganggur.

Martin et al (2013) pula mengatakan kebanyakkan individu menganggur adalah kerana faktor mobiliti atau ketidaksediaan mereka untuk bekerja di lokasi yang jauh daripada tempat asal. Sebaliknya, graduan kini tidak lagi berdepan dengan isu lokaliti di mana kebanyakkan graduan bersedia bekerja di mana-mana sahaja asalkan pekerjaan yang ditawarkan adalah pekerjaan yang bersesuaian dengan mereka.

4.5 Promosi Diri

Promosi diri bermaksud memasarkan diri di dalam platform yang bersesuaian agar pihak syarikat dapat melihat hasil kerja atau kebolehan yang dimiliki oleh individu sebelum memberikan peluang pekerjaan kepada mereka. Berikut adalah kenyataan

daripada informan.

Informan 2 mengatakan bahawa, “...Ok, bila terjadi situasi seperti yang saya cakapkan tadi, saya terus mencari pekerjaan yang lain menggunakan pelbagai platform contoh macam platform JobsMalaysia, MauKerja.Com, LinkIn dan seangkatan dengannya”. Informan 2 mengatakan bahawa dia telah menggunakan pelbagai platform bagi meningkatkan peluang mendapatkan pekerjaan.

Seterusnya petikan daripada Informan 6, “Sepanjang saya mencari pekerjaan ini, inisiatif yang saya lakukan adalah antaranya melaksanakan mempromosikan diri di LinkIn, promosikan pencarian kerja tu di LinkIn di platform - platform yang menawarkan sama macam tu”. Informan 6 ada mengatakan bahawa dia telah melakukan promosi diri di medium LinkIn bagi mendapatkan peluang pekerjaan.

Bagi tema ini, hanya informan 6 sahaja yang menyatakan bahawa dia melakukan promosi diri secara alam maya ini. Pengkaji mendapati inisiatif ini sangat membantu graduan mendapatkan peluang pekerjaan.

Kajian daripada Abdullah et al (2014) menyatakan bahawa kelemahan terbesar kebanyakan graduan adalah kurangnya imej diri dan juga kemahiran insaniah yang baik seperti yang diperlukan oleh pihak majikan dalam pasaran pekerjaan yang kompetitif. Hal ini telah menyumbang kepada penurunan peratus kebolehpasaran diri graduan.

Yusuf et al (2017) berpendapat bahawa graduan perlu bijak berkomunikasi terutama ketika temuduga. Graduan perlu menarik perhatian majikan dengan mempromosikan diri terhadap pekerjaan yang ditawarkan. Antara ciri-ciri yang diperlukan oleh majikan adalah memiliki kemahiran berkaitan pekerjaan yang ditawarkan, berperwatakan kemas dan menarik, mampu berkomunikasi dengan baik dan boleh bekerja secara berpasukan. (Awang et al 2017). Hal ini menunjukkan graduan yang memiliki gaya promosi diri yang baik akan mempunyai peluang pekerjaan yang lebih cerah.

5. Rumusan dan Cadangan

Kesimpulannya, pengkaji mendapati strategi daya tindak yang utama adalah menambah serta meningkatkan kemahiran dan juga nilai tambah dalam diri graduan. Majoriti graduan menyatakan keperluan meningkatkan kemahiran dan tambah nilai diri adalah perkara yang perlu dilakukan agar mereka dapat bersaing ketika dalam pasaran kerja. Selain itu, graduan juga perlu mencipta peluang pekerjaan sendiri selain daripada hanya mengharapkan peluang pekerjaan sedia ada. Hal ini dapat dilaksanakan dengan menceburti bidang keusahawanan. Strategi ketiga pula adalah sikap tidak memilih pekerjaan. Graduan dinasihatkan agar tidak terlalu memilih pekerjaan dan bersiap sedia dengan apa sahaja peluang pekerjaan yang ada. Perkara ini dapat membantu graduan mengumpul pengalaman bekerja dan mempersiapkan diri mereka dengan lebih baik kelak. Selain daripada itu, graduan perlu melakukan promosi diri. Graduan perlu aktif mempromosikan diri mereka sebagai pencari kerja melalui medium seperti LinkIn. Hal ini dapat meningkatkan potensi graduan mendapatkan pekerjaan.

Berdasarkan hasil kajian ini, pengkaji menyarankan agar graduan yang aktif mencari pekerjaan menilai semula kebolehan dan kemahiran yang dimiliki oleh mereka dan menaiktaraf kemahiran diri masing-masing agar mereka dapat mengatasi persaingan dalam dunia pekerjaan. Seterusnya, graduan perlu memastikan mereka memilih bidang pengajian yang relevan dan mudah untuk mendapatkan pekerjaan. Selain daripada itu, pengkaji menyarankan agar graduan dapat mengendalikan emosi masing-masing dengan baik agar kesihatan mental graduan tidak terganggu.

Hasil kajian ini diharapkan dapat memberi kepentingan kepada Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pengajian Tinggi dan Jabatan Tenaga Kerja dapat merancang program-program bagi mengurangkan isu pengangguran dalam kalangan graduan ini. Selain itu, kajian ini boleh digunakan oleh pihak universiti bagi menaiktaraf atau mengkaji semula kerelevanan sesuatu program pengajian agar sesuai dengan pasaran pekerjaan semasa. Seterusnya, pihak-pihak berkaitan seperti keluarga dan rakan-rakan perlu memberikan sokongan emosi yang baik kepada graduan agar tahap kesihatan mental mereka terjaga. Pengkaji mengharapkan lebih banyak kajian seperti ini dilakukan dengan memberi fokus kepada lokasi-lokasi tertentu dan mengkaji kesan pengangguran terhadap kesihatan mental atau meneliti tahap kebolehpasaran graduan setelah menamatkan sesuatu bidang pengajian.

Rujukan

- Abdul Rashid Aziz @Dorashid. (2020). Pengangguran Dalam Kalangan Tenaga Kerja Semasa Wabak Covid-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities(MJSSH)*. Volume 5 Issue 11:1-9,
<https://msocialsciences.com/index.php/mjssh/article/view/539/381>
- Aizan Sofia Amin, Ezarina Zakaria & Norulhuda Sarnon. (2020). Metod Kajian Kualitatif. Dlm Fauziah Ibrahim, Khadijah Alavi, Nazirah Hassan. *Penulisan Tesis Kajian Kualitatif dan Kuantitatif*, hlm 55-84. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Chen, L., Li, W., He, J. et al. (2012). Mental Health, Duration Of Unemployment, And Coping Strategy: a Cross-Sectional Study Of Unemployed Migrant Workers In Eastern China During The Economic Crisis. *BMC Public Health* 12, 597. <https://doi.org/10.1186/1471-2458-12-597>
- Ishak Yussof, Rahmah Ismail & Robiah Sidin. (2008). Graduan dan Alam Pekerjaan: Kes Siswazah UKM. *Akademika* 72:3-24.
<http://jurnalarticle.ukm.my/654/1/akademika72%5B01%5D.pdf>[29 November 2020]
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020), Seretariat Dan Jawatankuasa Khas DOSM Menangani Covid-19 : Statistik & Info-Media (BDA) Bil 54/2020
https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/7_Publication/Articles/20200603-Isu-dan-Berita-Bil_54_2020.pdf
- Jasmi, K. A. (2012). Penyelidikan Kualitatif dalam Sains Sosial Dalam Kursus Penyelidikan Kualitatif siri 1 2012. Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim.
http://eprints.utm.my/id/eprint/41090/2/KamarulAzmiJasmi2012_PenyelidikanKualitatifSainsSosial.pdf
- Noremy Md. Akhir. (2019). *Teori Hieraki Keperluan Maslow*. Slaid. Bangi Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Noremy Md. Akhir. (2019). *Teori Peranan*. Slaid. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Novia Dani Pramusinto, Akhmad Daerobi & Tri Mulyaningsih. (2019). Permintaan dan Penawaran Tenaga Kerja Serta Pengangguran Di Indonesia. Seminar Nasional & Call For Paper Seminar Bisnis Magister Manajemen (SAMBIS-2019).
- Nurfarahin Harun & Muhammad Shafiq Harun. (2020). Supplementary Measures Of Labours Underutilisation. Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Rozita Talha. (2020). Kajian Kes Impak Perintah Kawalan Pergerakan kepada Penduduk Malaysia. Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Siti Masayu Rosliah Abdul Rasyid & Fatimah Hassan. (2020). Amalan dan Penglibatan Peniaga Kecil melalui Perniagaan Digital Semasa Pandemik COVID-19 di Malaysia. Geografi Vol.8 (2), 1-20 ISSN 2289-4470/eISSN 2462-2400
- Victor Sojo & Leticia Guarino. (2011). Mediated Moderaion or Moderated Mediation: Relationship between Length of Unemployment, Resilience, Coping and Health. The Spanish Journal Of Psychology Vol 12(1):272-281